

PM: Kekalkan alam semula jadi demi pelancongan

UM 1 JUN 2000

LANGKAWI 31 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keindahan alam semula jadi perlu dikekalkan demi kepentingan sektor pelancongan.

Mengambil contoh Langkawi, Perdana Menteri berkata, biarpun pembangunan penting di pulau peranginan itu, ia tidak boleh dijalankan sepenuhnya hingga menyebabkan alam semula jadi terhapus.

Menurut beliau, daya tarikan pada sektor pelancongan sebenarnya tidak terletak pada faktor seperti bangunan yang cantik atau tinggi kerana ia boleh dibina di mana-mana sahaja.

Justeru katanya, bangunan bukanlah daya tarikan pada pelancong.

Sebaliknya beliau menarik perhatian, apa yang sebenarnya menggigit kedatangan pelancong ialah keindahan dan keunikan alam semula jadi.

“Sebab itu kita kena kekalkan ladang, bendang, bukit, tumbuhan dan sebagainya kerana alam semula jadi seperti inilah yang dapat tarik pelancong ke Langkawi,” ujarnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian pada ucapan perasmian Fiesta Langkawi di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, jika pulau peranginan seperti Langkawi dibangunkan sepenuhnya, ia tidak ada bezanya seperti tempat lain dan ini mungking menjejaskan kedatangan pelancong.

Selain keindahan alam semula jadi, Dr. Mahathir menambah, faktor legenda yang ada pada Langkawi seperti Mahsuri, Gua Ceri-

ta serta tempat yang namanya agak pelik, juga menarik kedatangan pelancong.

“Inilah yang menjadikan Langkawi pulau unik dan terkenal sama seperti Bali dan Hawaii,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan memberi perhatian pada sektor pelancongan kerana ia terbukti banyak manfaat kepada rakyat, contohnya ia membuka jalan kepada pembangunan kemudahan seperti hotel dan premis perniagaan selain peluang pekerjaan.

Merujuk pada ucapan Syed Razak yang meminta Kerajaan Pusat mempercepatkan kelulusan menaikkan taraf Majlis Daerah Langkawi (MDL) kepada Bandar Raya Pelancongan, beliau menjawab, “Saya akan meminta pihak tertentu membuat pertimbangan yang positif.”

Dr. Mahathir berkata, jika permohonan itu diluluskan, beliau percaya Langkawi akan terus maju.

Sementara itu, pelancongan Fiesta Langkawi malam ini dimeriahkan dengan pertunjukan

bunga api serta konsep persembahan jalanan yang cukup terkenal di luar negara seperti Mardi Gras di New Orleans, Amerika Syarikat.

Dengan bercirikan ketimuran, persembahan di atas jalan raya ini disertai pancaragam, badut, aksi ahli silap mata, tarian kebudayaan Malaysia, pelawak, pelakon tiru gaya personaliti dan persembahan bermain api.

Dua ratus tenaga persembahan rakyat tempatan digunakan bagi menunjukkan Malaysia juga boleh mempamerkan

karnival jalanan yang menarik.

Fiesta ini adalah anjuran LADA dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan serta Majlis Daerah Langkawi (MDL).

Ia akan bermula 31 Mei hingga 6 Jun ini dari pukul 9 malam hingga 2 pagi di kawasan sepanjang 600 meter Jalan Utama, Pesiaran Putra.

Selain perarakan, terdapat tiga pentas berasingan untuk aktiviti kebudayaan Melayu, Cina dan India dan kawasan pameran perkhidmatan pelancongan di bawah konsep *Best of Malaysia*.